




Karya Merdeka
Travel & Tours Sdn Bhd
凯雅旅游有限公司
1048973-U KPK/LN/7526

SO KA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

**TOUR CODE:
ALP09-CMB**

11H9M PAKISTAN



SARFARANGA COLD DESERT ADALAH SALAH SATU PADANG PASIR YANG MEMPUNYAI SUHU YANG SEJUK BERBANDING PADANG PASIR DI NEGARA LAIN OLEH KERANA KETINGGIAN 7500 KAKI.

11H9M PAKISTAN

Lahore - Islamabad - Skardu - Shigar - Hunza -
Hopper - Attabad - Passu - Gilgit - Naram/Besham



TOUR CODE:
ALP09-CMB

HARI 01 KUALA LUMPUR - LAHORE

MM

Berkumpul di KLIA Terminal 1 untuk menaiki penerbangan ke Lahore. Transit di Colombo, Sri Lanka. Bermalam di **Lahore**.

HARI 02 LAHORE - ISLAMABAD

SP/MT/MM

Lawatan di **Islamabad**:

- The **Pakistan Monument** merupakan monument warisan yang terletak di kawasan barat Bukit Shakarparian di Islamabad. Monument ini dibina untuk melambangkan perpaduan rakyat Pakistan.
- Bersolat di **Masjid Faisal** yang diisytiharkan secara rasmi sebagai Masjid Negara Pakistan dan merupakan salah satu masjid terbesar di dunia.

Bermalam di **Islamabad**.

HARI 03 ISLAMABAD - SKARDU - GILGIT

SP/MT/MM

Bertolak ke Skardu dengan menaiki penerbangan domestik. Lawatan di **Skardu**:

- Sarfaranga Cold Desert** merupakan salah satu keunikan di daerah Shigar iaitu salah satu padang pasir yang mempunyai suhu yang sejuk berbanding padang pasir di negara lain. Padang pasir ini mempunyai suhu yang rendah disebabkan kawasan ini terletak pada ketinggian 7500 kaki.
- Haramosh Valley** merupakan keajaiban semulajadi yang memikat para pengunjung dengan pesonanya dan salah satu trek yang paling indah.

Bermalam di **Gilgit**.

HARI 04 GILGIT - HUNZA

SP/MT/MM

- The **Old Silk Route** merupakan laluan sepanjang 1300km bermula dari Hassan Abdal sehingga Khunjarab Pass melalui banjaran gunung Karakorum dan kawasan Himalaya.
- Altit Fort** merupakan kubu purba yang berusia 900 tahun. Kubu ini dahulunya didiami oleh seorang pemimpin Hunza bersama keluarganya pada abad ke-11.
- Melihat keindahan **Royal Garden** di dalam Altit Fort.
- Melawat **Altit Old Village** iaitu perkampungan kebudayaan di daerah Hunza.
- Shigar Fort** merupakan mercu tanda bersejarah di Gilgit Baltistan. Pada abad ke-20, kubu ini ditinggalkan dan musnah disebabkan oleh bencana alam. Pada tahun 2004, kerajaan Pakistan menaik taraf semula kubu ini dan mengubah menjadikan kawasan pelancongan.
- Shigar Village** terletak di Lembah Shigar yang dikelilingi oleh kawasan pergunungan dengan Sungai Shigar. Kampung ini didiami oleh orang Balti berketurunan Tibet.

Bermalam di **Hunza**.

HARI 05 HUNZA

SP/MT/MM

- Menaiki bot di **Attabad Lake** yang terbentuk secara semulajadi selepas terjadinya tanah runtuh di perkampungan Attabad pada tahun 2010.
- Rasai pengalaman melalui **Hussaini Suspension Bridge** iaitu salah satu jambatan gantung ekstrem di dunia. Penduduk tempatan menggunakan jambatan ini untuk laluan ke kampung seberang.

- Passu Cones** terletak di Lebuh raya Karakorum yang merupakan laluan utama sektor perdagangan yang menghubungkan laluan antara Pakistan dan China.
- Melawat **Sost Bazaar** yang dikenali sebagai bandar terakhir Pakistan sebelum sempadan China. Ia merupakan bandar kecil yang dibina di tepi lebuh raya utama dimana trak kargo Pakistan dan China sentiasa bergerak di antara kedua-dua negara.

Bermalam di **Hunza**.

HARI 06 HUNZA

SP/MT/MM

- Hopper Glacier** terletak di Lembah Nagar yang merupakan sub lembah yang menakjubkan di Hunza Valley dan merupakan salah satu permandangan ikonik yang ada di daerah Hopper. Lembah Hopper ini terbahagi kepada dua glasier iaitu Barpu Glacier dan Mier Glacier.
- Membeli-belah di **Karimabad Market** yang terkenal dengan kraftangan tempatan rakyat Hunza. Antara barangan yang boleh didapati disini adalah topi sulam, permaidani, kain, selendang serta produk batu permata 'Ruby'.

Bermalam di **Attabad**.

HARI 07 HUNZA - GILGIT

SP/MT/MM

- Rakaposhi View Point** juga dikenali sebagai "Zero Point of Rakaposhi" merupakan tempat untuk melihat Gunung Rakaposhi dari jarak yang dekat.
- Naltar Valley** terkenal dengan landskap yang menakjubkan. Melawat harimau bintang, salji, Tasik Rainbow, Tasik Biru dan Tasik Pari.

Bermalam di **Gilgit**.

HARI 08 GILGIT - BESHAM

SP/MT/MM

- Junction Point of World** merupakan gabungan tiga banjaran gunung besar iaitu Karakorum, Hindu Kush dan Himalayas.

Bermalam di **Besham**.

HARI 09 BESHAM - ISLAMABAD

SP/MT/MM

- Melawat **Golra Sharif Railway Station** yang merupakan salah satu stesen kereta api yang tertua di Pakistan.
- Melawat **Lok Virsa Heritage Museum**, yang merupakan muzium kebudayaan terbaik di Pakistan. Ia mempamerkan karya seni, budaya dan kraf tradisional Pakistan yang masih dipelihara.
- Membeli-belah di bazaar tempatan.

Bermalam di **Islamabad**.

HARI 10 ISLAMABAD - LAHORE

SP/MT

- Bersolat di **Badashi Masjid** yang dibina oleh Maharaja Mughal ke-6 Aurangzeb. Masjid ini merupakan masjid kedua terbesar di Pakistan dan masjid kelima terbesar di dunia.
- Melawat **Lahore Fort** dan **Grater Iqbal Park**.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur

HARI 11 LAHORE - KUALA LUMPUR

Tiba di KLIA Terminal 1.

PERTUKARAN MATA WANG



PAKISTAN RUPEE
PKR 1000 = RM 17



PERBEZAAN WAKTU

Pakistan: GMT+5 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - September



Musim Luruh:
Okt - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



HUSSAINI SUSPENSION BRIDGE:

Rasai pengalaman melalui salah satu jambatan gantung ekstrem di dunia. Penduduk tempatan menggunakan jambatan ini untuk laluan ke kampung seberang.

2.



MASJID FAISAL:

Diisytiharkan secara rasmi sebagai Masjid Negara Pakistan dan merupakan salah satu masjid terbesar di dunia.

3.



SARFARANGA COLD DESERT:

Salah satu padang pasir yang mempunyai suhu yang sejuk berbanding padang pasir di negara lain. Padang pasir ini mempunyai suhu yang rendah disebabkan kawasan ini terletak pada ketinggian 7500 kaki.

4.



UPPER KACHURA LAKE:

Tasik air tawar semulajadi yang jernih terletak di Skardu. Tasik ini menjadi tempat hidupan alam semulajadi flora dan fauna dimana anda boleh melihat tanaman bermusim seperti apricot, dan ceri.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Lahore	1 Mlm
Islamabad	2 Mlm
Hunza	3 Mlm
Gilgit	2 Mlm
Besham	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	UL 319	KUL - CMB	0850	0945
1	UL 185	CMB - LHE	1325	1645
10	UL 186	LHE - CMB	1755	2215
11	UL 318	CMB - KUL	0045	0655

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket penerbangan domestik Islamabad - Skardu kelas ekonomi.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Altit Fort dan Hussaini Suspension Bridge.
- Pengangkutan sampan Attabad Lake dan jeep di Sarfara Desert.
- Urusan visa ETA memasuki Pakistan (warganegara Malaysia sahaja).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Urusan permohonan visa (perlu dilakukan oleh travel agent sendiri).
- Harga lawatan tambahan (optional tour): Jeep Safari USD32 seorang.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.